



Headline: Penjaga bot rugi RM40,000 diperdaya Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 22 March 2020

Section: Negeri  
Page: 40

## Penjaga bot rugi RM40,000 diperdaya Macau Scam

**KUANTAN** - Seorang penjaga bot kerugian RM40,000 akibat diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai individu bergelar 'Datuk' dengan mengatakan mangsa akan ditahan pihak berkuasa kerana terlibat pengedaran dadah dan pengubahan wang haram.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendant Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, akibat takut ditahan polis, pemuda berusia 22 tahun itu mengikuti semua arahan suspek dengan mengeluarkan wang simpanan kerana suspek mendakwa akan menyelesaikan kes dihadapi oleh mangsa.

Menurutnya, mangsa terlebih dahulu telah menerima panggilan daripada seorang lelaki yang mendakwa sebagai pegawai perundungan dari Mahkamah Majistret Kuantan dengan mengatakan mangsa tidak hadir ke mahkamah untuk perbicaraan berhubung tunggakan kad kredit.



**MOHD WAZIR**

"Mangsa memaklumkan dirinya tidak mendapat surat untuk perbicaraan tersebut. Selepas itu, mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang wanita kononnya pegawai polis dari Ibu Pejabat Kontinjen Pahang yang mendakwa mangsa mempunyai tunggakan kad kredit sebanyak RM13,600.10 dan turut terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram serta pengedaran dadah," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd Wazir berkata, mangsa manfaikan semua dakwaan itu sehingga panggilan disambungkan pula kepada seorang lelaki yang kononnya berpangkat 'Datuk'.

"Mangsa membuat pengeluaran wang di sebuah bank sebanyak RM40,000. Pada jam kira-kira 2.15 petang hari sama, mangsa memasukkan wang itu ke dalam akaun bank diberikan oleh suspek yang meminta mangsa menunggu untuk siasatan dijalankan," katanya.

Mangsa terus membuat laporan polis selepas menyedari telah ditipu oleh sindiket dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.